

12 **Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2017**
21-25 Mac 2017 **LIMA'17** KOSMO JUMAAT 24 MAC 2017



PASUKAN aerobatik dari Indonesia melakukan pertunjukan udara menggunakan pesawat KT-1B Woong Bee sempena LIMA'17 di Langkawi semalam.



SULTAN Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (tiga dari kiri) berkenan melihat replika helikopter milik Tentera Udara Diraja Malaysia ketika berangkat melawat LIMA'17 semalam.



BOT Kilat milik Maritim Malaysia membuat persembahan dalam segmen maritim sempena LIMA'17 di Resorts World Langkawi.

Kerajaan utamakan pemodenan aset ketenteraan biarpun kewangan negara terhad
Kontrak RM3.8 bilion dimeterai

Oleh ZAKI SALLEH dan RIDZAUDDIN ROSLAN

LANGKAWI - Sebanyak 11 kontrak, 12 memorandum persefahaman (MoU), tujuh Surat Serah Terima (LOA) dan lima Surat Hasrat (LOI) bernilai RM3.8 bilion dimeterai pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2017 (LIMA'17) di sini semalam.

Kontrak terbesar yang dimeterai ialah pembelian empat buah kapal misi pesisir (LMS) bagi keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berjumlah RM1.1 bilion.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kerajaan tetap meluluskan aset ketenteraan walaupun dalam keadaan kewangan negara yang terhad.

"Pembelian kapal perang ini bermakna kerajaan telah meluluskan janji kepada TLDM dan rakyat.

"Dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar, kerajaan masih ada kemampuan untuk membangunkan aset ketenteraan seperti yang dirancang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak dan MoU antara Kementerian Pertahanan dengan beberapa syarikat melibatkan kontrak pembekalan, perkhidmatan dan senggaraan.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Pada majlis itu, pembelian empat buah kapal LMS dimeterai dengan firma Boustead Naval Shipyard (BNS) bernilai RM1.1 bilion.

Ini merupakan projek usahasama antara kerajaan Malaysia dan China secara rundingan terus dengan BNS.

Kontrak bernilai RM496 juta pula bagi pembinaan infrastruktur sistem satelit bumi untuk Angkatan Tentera Malaysia oleh Seicom Systems Sdn. Bhd.

Turut dimeterai ialah LOI bagi menaik taraf 10 pesawat Hawk Tentera Udara Diraja Malaysia, perolehan peluru berpandu pesawat Sukhoi SU-30MKM dan selenggara kereta kebal PT-91M Pendekar. Ketiga-tiga LOI ini bernilai kira-kira RM432 juta.

Hishammuddin (lima dari kiri) dan Raja Mohamed Affandi (lima dari kanan) bergambar bersama beberapa wakil syarikat selepas majlis menandatangani kontrak dan MoU pada LIMA'17 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi semalam.



HISHAMMUDDIN (lima dari kiri) dan Raja Mohamed Affandi (lima dari kanan) bergambar bersama beberapa wakil syarikat selepas majlis menandatangani kontrak dan MoU pada LIMA'17 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi semalam.

TUDM terima Nuri pertama dinaik taraf

LANGKAWI - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menerima sebuah helikopter pertama Sikorsky S61A-4 Nuri yang telah dinaik taraf kepada sistem digital semalam.

Antara perubahan itu ialah pemasangan empat papan pemuka kokpit digital menggantikan sistem analog.

Pemasangan sistem baharu tersebut membolehkan Nuri terbang dalam apa jua keadaan cuaca siang dan malam.

Ketua Pegawai Eksekutif Airod Sdn. Bhd., Datuk Ibrahim Bahari berkata, kerja menaik taraf tersebut juga dapat memajukan hayat Nuri untuk dioperasikan selama 15 tahun lagi.

"Kami berjaya siapkan pesawat pertama selepas menerima kontrak tahun lalu melibatkan kesemua 26 buah pesawat.

"Baki Nuri yang lain akan disiapkan secara berperingkat menerusi kerjasama dengan rakan strategik iaitu Heli-One dari Norway," katanya



HELIKOPTER Sikorsky S61A-4 Nuri yang dinaik taraf diserahkan kepada TUDM sempena LIMA'17 di Langkawi semalam.

INFO LIMA'17

- Aktiviti 24 Mac 2017**
- 8 pagi: Lawatan ke kapal-kapal perang di perairan Resorts World Langkawi (RSW) dibuka kepada pengunjung awam
 - 10 pagi: Pameran segmen udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan segmen maritim di RSW dibuka kepada pengunjung awam
 - 10 pagi: Demonstrasi bot tempur di RSW
 - 12 tengah hari & 2.30 petang: pertunjukan udara di MIEC

selepas menyerahkan Sikorsky S61A-4 kepada Panglima TUDM, Jeneral Datuk Seri Affendi Buang sambil disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein di sini semalam.

UPNM bekerjasama dengan syarikat pengeluar pesawat

LANGKAWI - Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan syarikat pengeluar pesawat ketenteraan, Dassault Aviation Rafale (DAF) mengesahkan hasrat untuk meneroka bidang aeroangkasa secara bersama.

Hasrat itu dicapai selepas UPNM memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama DAF sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2017 di sini semalam.

Naib Canselor UPNM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin berkata, menerusi jalinan kerjasama itu, satu program kolaborasi industri bakal ditubuhkan oleh UPNM dan DAF.

"Kami berharap menerusi penubuhan program itu, mahasiswa UPNM akan dapat didedahkan dengan teknologi dan sistem canggih yang terdapat pada pesawat Rafale yang dikeluarkan oleh DAF.

"Mereka juga akan lebih mudah untuk menceburi industri pembuatan pesawat selepas tamat pengujian kelak," katanya selepas majlis memeterai MoU berkenaan di sini semalam.